

SAHABAT-SAHABAT NABI YANG TERBILANG

Pada kali ini kita sajikan riwayat hidup seorang jaguh Islam yang telah terdidik dan menampung ilmu daripada Rasulullah Salallah alaihi wasallam. Enam puluh tahun lamanya “Ibnu Umar” kemudian wafat daripada Nabi menjadi tempat tumpuan orang ramai yang dahaga kepada ilmu pengetahuan. Walaupun ia telah berada di dalam “zaman fitnah” yang telah mengorbankan khalifah Islam yang ketiga – Saidina Uthman, tetapi ia dengan kebijakannya telah tidak mencampuri perbalahan itu dan telah wafat sebagai seorang besar yang dihormati oleh segala pihak.

ABDULLAH BIN UMAR

Dengan Islamnya Umar Ibnu Al-Khattab maka sudah tentu cahaya Islam telah terpancar di dalam hati anakandanya Abdullah yang masih kecil. Tatkala Rasulullah Salallah alaihi wasallam berhijrah ke Madinah maka Saidina Umar dan keluarganya termasuk Abdullah yang baharu meningkat dalam umur sepuluh tahun telah berhijrah sama. Apabila orang-orang Islam diazankan menghunus senjata membela diri maka Abdullah yang masih mentah bersama-sama beberapa orang rakan sebayanya telah maju ke tengah mengadap Nabi bermohon kiranya mereka dibenarkan berjuang sama, tetapi Abdullah telah berhampa hati kerana permohonannya tertolak disebabkan umurnya masih belum layak memegang senjata. Setelah terbit peperangan “Al-Khandak” maka hajat Abdullah yang telah berusaha lima belas tahun telah terkabul dan semenjak itu ia tidak renggang dari sisi Nabi dalam tiap-tiap medan pertempuran.

Demikian juga Saidina Abdullah Ibnu Umar Radiallahuanhu tidak renggang dari sisi Nabi dalam masa aman. Ia telah mengetahui dengan sedalam-dalamnya akan sejumlah besar daripada sabda-sabdanya. Inilah yang menyebabkan “Abdullah Ibnu Umar” menjadi seorang rawi hadith yang terbilang dan seorang luas pengetahuannya dalam undang-undang Islam dan kandungan kitab Allah.

Al-Imam Malik bin Anas Radiallahuanhu berkata: Enam

puluh tahun lamanya Ibnu Umar telah berkekalan kemudian daripada wafat Rasulullah salallahu alaihi wasallam didatangi oleh orang ramai dari segala ceruk. Maka ia (kedapatan menjawab berbagai-bagai masalah) dengan tidak tersembunyi kepadanya sesuatu perkara dari hal Rasulullah dan sahabat-sahabatnya. Ia juga adalah salah seorang daripada jaguh-jaguh agama yang terkemuka”.

Walaupun ia telah mengalami zaman kemewahan tetapi Ibnu Umar tetap hatinya tidak terpengaruh kepada dunia bahkan telah mencurahkan segala hartanya kerana kebajikan.

Kecerdasan dan kebijaksanaan dapat diperhati daripada hadith yang diperturunkan dibawah ini.

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Al-Bukhari di dalam kitab sahihnya daripada Ibnu Umar bahawa Rasulullah sala allahualahiwasallam bersabda:

“Inna min al-shajari shajaratum la yasqutu waraqaha wa hiya mithlu al-muslim, haddithuni ma hiya?”

(bahwasanya di antara pohon-pohon yang banyak, ada sepohon yang tidak gugur daunnya yang keadaannya samalah seperti keadaan seorang Muslim, maka khabarkanlah kamu kepada aku apakah pohonnya?)

“Sahabat-sahabat yang hadir di majlis itu masing-masing menyangka ialah sejenis pohon-pohon di padang pasir, tetapi tergerak di hati saya-kata Ibnu Umar – bahawa pohon itu ialah pohon kurma (tamar) tetapi saya malu hendak menyebutnya”.

Dalam riwayat lain ia berkata: (Saya dapati diri

saya. Sayalah orangnya yang muda sekali di antara sepuluh orang sahabat yang berada di majlis itu, dan saya dapati Abu Bakar dan Umar (ayahanda-P) tidak berkata-kata apa-apa dan inilah yang menjadikan saya mendiamkan diri.)

“Seketika kemudian kedengaran sekalinya berkata: “ya Rasulullah khabarkanlah kami apa pohonnya?” Nabi pun menjawab sabdanya:

“*Hiya al-nakhlah*”. (ialah pohon kurma).

“Sayapun khabarkan perkara itu kepada ayah saya (Saidina Umar) dengan apa yang telah tergerak di hati saya dan ayah saya pula berkata: “Kiranya engkau menyebutnya (di majlis Rasulullah itu-p) maka sanagt-sangatlah kusukai daripada aku mendapat unta hamar al-na’am”. (sejenis unta yang pilihan dan jarang-jarang didapati-p).

Di dalam kitab-kitab Sahih Bukhari dan Muslim juga ada tersebut: “Bahawa telah menjadi kelaziman dalam masa hayat Rasulullah apabila seorang lelaki bermimpi maka orang itu akan pergi mengadap Nabi dan menceritakan mimpinya. Saya pun – kata Abdullah Ibnu Umar – bercita-cita kiranya dapat mimpi yang boleh saya ceritakan kepada Rasulullah (SAW). Pada masa itu saya masih teruna dan kerap kali tidur di masjid, (tidak berapa antaranya) saya pun bermimpi seolah-olahnya dua malaikat membawa saya ke neraka, tiba-tiba dan terpandang akan neraka itu seperti binaan sebuah perigi dan mempunyai dua tiang palang seperti yang biasa tercacak di atas perigi, di dalamnya banyak orang-orang yang saya kenali, sayapun berucap-ucap: a’uzubillahi minannar (berlindung saya kepada Allah daripada api neraka). Satu malaikat yang lain telah datang berjumpa kedua-dua malaikat yang membawa saya lalu berkata kepada saya: Mengapa engkau takut!! Saya pun menceritakan mimpi saya itu kepada Hafsah (saudara perempuannya yang menjadi isteri Nabi-p) dan Hafsah pula telah menceritakannya kepada Nabi yang telah bersabda:

Na’am al rijlun abdullah lau kana yasli min al lail!

“Abdullah sebaik-baik seorang lelaki kiranya ia sembahyang pada sebahagian malam hari!”

Semenjak itu menurut keterangan anakandanya “Salim” bahawa ia (Abdullah Ibnu Umar) tidak tidur melainkan sebentar sahaja pada malam hari.

Dalam riwayat yang lain Abdullah ada bersampai katanya: “Saya terpandang di tangan saya sepotong kain sutera yang tidak saya melambai dengannya ke arah suatu tempat di syurga melainkan ia menerbangkan saya kepadanya. Saya pun ceritakan mimpi saya itu kepada Hafsah lalu diceritakannya kepada Nabi pun bersabda:

“*An Abdullah rijalu soleh*”

“Sungguhnya Abdullah itu seorang lelaki yang soleh.”

Sebenarnya ini ialah suatu pengakuan daripada junjungan yang membayangkan setakat mana darjat kelebihan Saidina Abdullah Ibnu Umar radiallahuanhu.

Ketika berlalu fitnah yang menyebabkan perpecahan umar Islam pada zaman sahabat dahulu maka Ibnu Umar telah berkecuali daripada mencampuri sesuatu pihak pun kerana berpegang teguh kepada nasihat ayahandanya Saidina Umar Al-Faruq radiallahuanhu.

Menurut keterangan ahli al-tawarikh bahawa apabila Saidina Umar ditikam oleh seorang hamba yang beragama Majusi maka ia pun berkata kepada anakandanya Abdullah:

“Pergilah dapatkan Aisyah dan sampaikan salamku kepadanya dan pintalah izin kepadanya supaya aku ditanam di rumahnya di sisi kubur Rasulullah”.

Abdullah pun pergi mendapatkan Saidatina Aisyah dan menyampaikan hajat ayahandanya. Permintaannya itu telah diterima oleh Saidatina Aisyah dengan senang hati lalu berkata: “Anakku, sampaikan salamku kepada Umar dan katakan kepadanya: Janganlah dibiarkan umat Muhammad dengan tidak berpimpinan, pilihlah khalifah dan janganlah diberikan mereka dengan begitu sahaja kerana saya takut akan timbul sesuatu fitnah”.

Baliklah Abdullah menyampaikan perkara itu kepada ayahandanya.

Mendengarkan itu Saidina Umar berkata: “Siapakah orangnya yang dikehendaki saya melantik menjadi khalifah?”

Kemudian ia berkata lagi: “Saya tidak dapat orang yang lebih layak menyandang jawatan ini selain daripada kumpulan sahabat (yang berenam-p) yang Rasulullah telah wafat ketika menaruh sepenuh-penuh keredhaan kepada mereka. “Lalu ia menamakan nama mereka itu satu persatu, kemudian berkata lagi:

“Persilakanlah Al-Husin bin Ali dan Abdullah Ibnu Abbas supaya menghadiri majlis mesyuarat itu kerana mereka mempunyai pertalian kerabat dengan Nabi dan saya berharap kehadiran mereka akan membawa sempena yang baik bagi kamu tetamu mereka tidak berhak dipilih, anakku Abdullah juga hendaklah hadir sebagai seorang penasihat dan ia tidak berhak dipilih.” (dilantik menjadi khalifah-P)

Sahabat-sahabat yang sedang mendengar telah bertanya kepada Saidina Umar: “Ya amir al-mukminin Abdullah berkelelahan menyandang jawatan khalifah maka diharap kiranya amir al-mukminin melantiknya, kami semua bersetuju kepadanya.”

“Tidak – jawab Saidina Umar – cukuplah rasanya seorang daripada keluargku “Al-Khattab” telah menyandang jawatan ini. Abdullah tidak berhak sesuatu pun di dalamnya.”

Kemudian Saidina Umar berpaling kepada anakandanya Abdullah lalu berkata: “Abdullah ingat, dan sekali lagi ingat, jangan sekali-kali menyandang jawatan itu!!”

Sebenarnya Saidina Abdullah bin Umar telah setia kepada nasihat ayahandanya walaupun ia berkali-kali dipujuk oleh kumpulan sahabat-sahabat yang diketuai oleh Az-Zubair dan Talhah yang telah bersedia hendak keluar meninggalkan Madinah dan membawa bersama-sama mereka akan Saidatina Aisyah radiallhuanha. Tatkala mereka mengambil keputusan hendak mmenuju ke Basrah maka mereka pun cuba memujuk Abdullah Ibnu Umar supaya berpihak kepada mereka kerana memandang kepada kedudukan sebagai seorang sahabat yang dikasihi ramai. Tetapi tawaran itu telah

ditolak olehnya. Sekali lagi Talhah dan Az-Zubair telah pergi mengajak Ibnu Umar dengan mengatakan mereka bersetuju dengan Muawiyah tidak mahu jawatan itu disandang oleh Saidina Ali bahkan mereka bercita-cita hendak menolaknya kiranya ia berpihak kepada mereka. Tatkala menolak tawaran itu maka Abdullah Ibnu Umar berkata:

“Kalau kata-kata tuan-tuan itu benar maka saya kehilangan suatu keuntungan, dan kalau pula kata-kata tuan-tuan itu sebaliknya maka bermakna saya telah terselamat daripada sesuatu bahaya. Hendaklah tuan-tuan ketahui sesungguhnya rumah Aisyah lebih baik baginya daripada “Hudajnya” (yakni sekadupnya) yang dalam masa ia berangkat ke Basrah mencampuri perbalahan itu-P), dan tuan-tuan berddua, maka negeri Madinah ini lebih baik bagi tuan-tuan daripada negeri Basrah!!!”.

Abdullah tidak berganjak daripada dirinya yang sedemikian walaupun telah dicurahkan berbagai-bagai rayuan kepadanya dan walaupun ia dipujuk. Sebaik-baik sahaja selesai perbalahan di antara pihak Saidatina Aisyah dan Saidina Ali maka tinggallah Muawiyah seorang diri bertentang dengan Saidina Ali Karamullah wajah. Akhirnya Muawiyah telah berdaya upaya hendak menarik Ibnu Umar ke pihaknya. Tetapi Ibnu Umar tetap menolak sebagaimana ia telah menolak tawaran Talhah dan Az-Zubair dahulu. Muawiyah telah menulis kepadanya menyatakan hajatnya itu:

“Sesungguhnya tidak ada seseorang pun daripada kaum Quraisy yang saya sangat-sangat gemar kepadanya sekiranya orang ramai kemudian daripada Uthman akan berhimpun kepada tuan, saya tidak berhajat kepada merebut kerajaan dan meletakkan tuan dibawah pertahanan saya, tetapi saya berhajat hendak melantik tuan kepada jawatan itu, kiranya tuan menolak maka perkara ini akan dijadikan “Syura” – terbuka bagi orang ramai memilih khalifah yang baharu itu.

Sekian bunyinya pelawaan Muawiyah, meskipun ia tahu bahawa khalifah Islam pada masa itu telah pun dilantik iaitu

Saidina Ali, tetapi lantikan itu tidak diakuinya.

Bagi menjawabnya Saidina Abdullah Umar berkata:

“Sesungguhnya fikiran tuan yang demikian itulah

yang menjadikan tuan mempunyai kedudukan sebagaimana yang tuan berada di dalamnya ini. Telahpun terjadi perkara-perkara yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah sallallahualaihiwasallam.

Dan inilah yang menyebabkan saya berkecuali daripada mencampuri mana-mana pihak sambil saya berkata: Kiranya ini suatu kelebihan (keuntungan) maka saya tinggalkan dia, kalau pula ia suatu perbuatan yang salah maka bermakna saya telah terlepas daripada sesuatu bahaya. Oleh itu maka janganlah saya diganggu-ganggu oleh pujukan tuan itu lagi.”

Tatkala terjadi pertempuran “di Siffin” dan tentera

Muawiyah telah ketewasan menerima pelawaan tentera Saidina Ali maka dengan tipu daya Umar Ibnu Al-As tentera Muawiyah telah menjual Quran dihujung tembok dan mengajak pihak Saidina Ali bertahkim (berorang tengah) kepada kitab Allah yang berakhir kedua-dua pihak telah mengikat damai sementara. Dalam masa inilah wakil pihak Saidina Ali iaitu Abu Musa Al-Asy’ari yang telah dihantarkan rundingan dengan Umar Ibnu Al-As (pihak Muawiyah) telah memecat Ali dan Muawiyah bersama dan mengesyorkan seorang khalifah baharu hendaklah dilantik iaitu Abdullah Ibnu Umar.

Apabila perkara itu disampaikan kepada Ibnu Umar maka iapun menulis kepada Abu Musa Al-Asy’ari:

“Wahai Abu Musa tuan telah mencadangkan kepada saya suatu perkara yang tidak saya berhajat kepadanya, adakah tuan menyangka saya akan membukakan tangan saya kepada suatu perkara yang telah ditegah oleh Umar; atau adakah adakah tuan berfikir yang saya akan melangkahi Ali pada hal ia lebih layak daripada saya?”

Inilah dia Saidina Abdullah Ibnu Umar radiallahuanhu yang telah menunjukkan perdirian yang teguh dan telah meninggal dunia dalam masa tidak ada orang pada zamannya yang dapat melebihi kelebihan-kelebihannya yang kepujian- Ain. Ba.

APA FIKIRAN IBU-IBU.....?

Di dalam perselisihan pendapat tentang ibu-ibu mencampuri hal ehwal siasah maka banyak orang telah mengambil misal tentang Saidatina Aisyah di dalam Perang “Al-Jamal”. Mereka berpendapatan bahawa Saidatina Aisyah adalah memberi contoh yang ia mencampuri “siasah” (pendapatan ini telah ditolak orang dengan alasan-alasan yang tepat tentang riwayat dan keadaannya pada masa itu) katakanlah ia mencampuri siasah tetapi adakah keadaannya boleh dikiaskan dengan keadaan kita sekarang? Lihat kejadiannya:

Di dalam perjuangan “Al-Jamal” itu Ummul Al-Mukminin ini tidak sebagai panglima perang dan di dalam perjuangan itu ia duduk di dalam sekedup yang tertutup. Apabila pertempuran hebat dengan sehebat-hebatnya maka baris ia terbinasa dan setelah ditawan sekedupnya oleh pihak Saidina Ali maka ada nadanya Muhammad Bin Abu Bakar Al-Siddiq telah hampir lalu membuka sekedup itu.

Ummul Al-Mukminin itu terperanjat dan naik berang lalu berteriak dengan mengatakan bahawa orang yang berbuat itu nanti akan dibinaskan oleh api....., dan dalam sangat itu juga, adiknya yang mengetahui bahawa perkataan kakaknya masin, terus menyatakan dirinya dan berharap janganlah kiranya ia dibinasakan oleh api neraka tetapi biar sahaja api dunia.

Kerana sumpah Ummul Al-Mukminin itu akhirnya adiknya itu terbunuh terbakar oleh api kemudiannya.

Apa kesannya perkara ini? Jawabnya ialah Ummul Al-Mukminin di situ keadaannya tidak terdedah dan sangat keras menjaga supaya jangan ada orang yang bukan mahramnya membuka tempatnya yang ditegah mengikut hukum Al-Quran. Sudahkah ibu-ibu kita berbuat begitu untuk menjauhkan fitnah yang telah diberi ingat oleh Tuhan? Adakah kita hendak mengikut sekerat-kerat sahaja mana yang senang kepada kita? Kalau ibu-ibu bergama Islam silalah jawab! Harap mendapat perhatian kepada kaum ibu UMNO!